



# **MAJLIS PENYAMPAIAN BANTUAN DAN DIVIDEN TANAM SEMULA KOMERSIAL (TSK) KEPADA PEKEBUN KECIL PARLIMEN BUKIT GANTANG**

## **UCAPAN ALUAN**

**YANG BERBAHAGIA DATO' ALI NORDIN BIN WAHIDIDDIN  
TIMBALAN KETUA PENGARAH PEMBANGUNAN  
MEWAKILI KETUA PENGARAH RISDA**

DI DEWAN SEKOLAH KEBANGSAAN TOH JOHAN,  
TRONG, PERAK.  
19 MAC 2009  
10.00 PAGI

Yang Berusaha Saudara Pengerusi Majlis

Yang Berbahagia Tan Sri Rahim bin Tamby Chik  
Pengerusi RISDA Malaysia

Yang Berhormat Dato' Hj. Saarani bin Mohamad  
Pengerusi Jawatan kuasa Penerangan, Pembangunan Luar  
Bandar, Pembasmian kemiskinan, Perladangan dan Kebajikan  
Negeri Perak Darul Ridzuan

Yang Berhormat Datuk Hj. Rosli bin Husin  
Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Trong  
Merangkap Ketua UMNO Bahagian Bukit Gantang

Yang Berbahagia En. Hairi bin Mat Lanan  
Pengurus Besar RISDA Plantation

Yang Berbahagia En. Ismail bin Safian  
Calon Ahli Parlimen Bukit Gantang

En. Zainal bin Abd. Rahim  
Pengarah RISDA Negeri Perak

Dif-Dif Jemputan

Pegawai dan kakitangan RISDA

serta Tuan-Tuan dan Puan-Puan para pekebun kecil yang  
dihormati sekalian

3

**Assalamulaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,**

## **1.0 PENGHARGAAN**

Syukur Alhamdullillah, saya memanjatkan syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan rahmatNya, dapat kita bersama-sama berkumpul di Dewan Sekolah Kebangsaan Toh Johan, Trong, Perak yang indah ini untuk Majlis Penyampaian Bantuan dan Dividen Tanam Semula Komersial (TSK) kepada pekebun kecil Parlimen Bukit Gantang pada hari ini. Bagi pihak pengurusan RISDA, saya amat mengalu-alukan dan berterima kasih di atas kesudian Yang Berbahagia Tan Sri Rahim bin Tamby Chik,

Pengerusi RISDA Malaysia melapangkan masa hadir untuk menyempurnakan Majlis kita pada hari ini. Sesungguhnya kehadiran dan sokongan Yg. Bhg. Tan Sri menyemarakkan lagi semangat kami semua untuk meneruskan usaha memperkasa dan membangunkan masyarakat pekebun kecil di negara ini. Saya juga mengambil peluang di sini untuk mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Dato' Hj. Saarani bin Mohamad, Exco Penerangan, Pembangunan Luar Bandar, Pembasmian Kemiskinan, Perladangan dan Kebajikan Negeri Perak serta Yang Berhormat Datuk Hj. Rosli bin Husin, ADUN Kawasan Trong yang begitu perihatin untuk hadir bersama-sama kita pada hari ini. Juga

kepada semua dif-dif jemputan ke Majlis ini, Kehadiran tuan-tuan dan puan-puan menjadi pendorong kepada RISDA untuk memberi perkhidmatan terbaik kepada pekebun kecil dan penduduk di luar bandar khasnya dan juga industri getah dan sawit keseluruhannya. Tidak lupa juga kepada semua peserta TSK, serta pekebun kecil dari Parlimen Bukit Gantang.

## **2.0 TUJUAN MAJLIS**

- a. Tujuan Majlis pada hari ini adalah untuk menyampaikan dividen Tanam Semula Komersial (TSK) berjumlah RM 64,321.25 kepada 184 orang peserta 4 buah TSK dan 1 Mini Estet di

Parlimen Bukit Gantang. Pada hari ini 71 orang akan menerima dividen ini.

- b. Selain daripada itu, 5 TSK iaitu TSK Sg. Limau, TSK Mini Estet Changkat Semantun, TSK Pdg. Besar, TSK Changkat Ibol 4 dan TSK Changkat Semantun akan menerima Bantuan Tabung Pelancaran berjumlah RM 10,000.00.
- c. Seramai 4 orang akan menerima Bantuan Aktiviti Ekonomi Tambahan bagi 3 projek tanaman kontan pisang dan 1 projek ikan keli berjumlah RM37,000.00.
- d. 32 orang pula akan menerima Bantuan di bawah Program Peningkatan Produktiviti Getah (PPG) berjumlah RM 27,583.20.

- e. Satu Projek TSB Baru iaitu TSB Senduk dengan keahlian seramai 11 orang dan keluasan 12.2454 hektar akan menerima kelulusan sementara dengan nilai bantuan sejumlah RM 85,717.80.
- f. dan seterusnya seramai 4 orang dengan keluasan 12.2012 hektar akan menerima kelulusan permohonan Tanam Semula Getah kepada Getah (TSGGI) bernilai RM 63,392.11.

### **3.0 PROGRAM PEMBANGUNAN DAN KEPERIHATINAN RISDA 2009**

Di sini sukalah saya menyentuh beberapa perkara mengenai sektor pekebun kecil dan juga peranan RISDA dalam membantu meningkatkan sosioekonomi pekebun kecil. Suka saya nyatakan di sini semua perancangan dan program yang dibuat oleh RISDA adalah bertujuan untuk membantu dan meningkatkan pendapatan dan seterusnya taraf kehidupan masyarakat pekebun kecil.

Pada Tahun 2009 ini, RISDA telah diperuntukkan sejumlah RM 193.5 juta untuk melaksanakan 17 program pembangunan untuk masyarakat pekebun kecil. Bagi Negeri Perak, sejumlah RM 25

juta telah diagihkan di bawah Bantuan Langsung Kerajaan untuk pembangunan pekebun kecil di negeri ini.

Keperihatinan RISDA pada tahun ini adalah Pemantapan Aktiviti Pengembangan, Kejatuhan Harga Getah dan Sawit, penurunan Pendapatan Pekebun Kecil, Mempelbagaikan Sumber Pendapatan, Produktiviti, Harga Input Pertanian yang tinggi, Kekurangan Benih Sawit dan Getah, Pemasaran Produk Pekebun Kecil, penambahan Bilangan Usahawan Pekebun Kecil, Pembangunan Modal Insan, pembangunan di Sarawak, Kadar Dividen yang rendah, Sistem penyampaian dan Pindaan Akta RISDA. Sejajar dengan keperihatinan inilah RISDA menggubal

Program Pembangunan Pekebun kecil pada tahun ini supaya pembangunan dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin mengikut keperluan semasa.

#### **4.0 PENUTUP**

Saya tidak berniat untuk berucap panjang kerana Tuan-tuan dan Puan-puan tentunya sudah tidak sabar lagi untuk mendengar ucapan daripada Yang Berbahagia Tan Sri Rahim bin Tamby Chik, Penggerusi RISDA Malaysia pada hari ini. Sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yg.Bhg. Tan Sri atas kesudian untuk menyempurnakan Majlis pada hari ini. Setinggi

penghargaan juga kepada Yang Berhormat Dato' Hj. Saarani bin Mohamad, Exco Penerangan, Pembangunan Luar Bandar, Pembasmian Kemiskinan, Perladangan dan Kebajikan Negeri Perak serta Yang Berhormat Datuk Hj. Rosli bin Husin, ADUN Kawasan Trong juga para jemputan serta pekebun kecil yang hadir.Tidak ketinggalan juga terima kasih kepada En Zainal bin Abd. Rahim, Pengarah RISDA Negeri Perak serta Jawatankuasanya yang telah bekerja keras untuk menjayakan Majlis ini. Hanya Allah sahaja yang dapat membalas segala usaha Tuan-tuan dan Puan-puan.

**Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah ,  
Wassalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh.**